



buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI
JANUARI
APRIL
01/19



BUDI DISANJUNG JASA DIKENANG

Majlis Perpisahan Tuan Suliman Abdul Rahman



03

Majlis Penghargaan Buat Tuan
Suliman Bin Abd Rahman



08

Kemeriah Larian Fun
Run Sempena Pagi
Tanpa Kenderaan MPS



18

Kejohanan Badminton
Komuniti Strata
Piala YDP MPS



@mpselayang



@mpselayang



@ mp selayang

Dari Meja YDP

BIL 1/2019 | JAN - APRIL



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
Tuan Suliman B. Abd Rahman A.M.N., P.P.T.
ydp@mps.gov.my
Dato' Juhari B. Ahmad
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin B. Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmad_fauzi@mps.gov.my

PENGARANG
Cik. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri
noratikahhanim.roslan@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Bt. Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my
Pn. Noraswaliza Bt. Ibrahim
noraswaliza.ibrahim@mps.gov.my
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman
sitimasarah.abdrahman@mps.gov.my
En. Elley Roulzee B. Ahmad Samsuddin
elleyroulzee.asamsuddin@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis B. Naseri
afzairis91@gmail.com
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun B. Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mail: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberi keizinan kepada kita untuk melangkah ke tahun baru ini. Tahun 2018 telah pun melabuhkan tirainya. Saya berdoa agar tahun 2019 ini akan lebih bermanfaat serta menjadi lembaran baru buat seluruh warga MPS amnya. Sedar tak sedar, tahun 2018 berlalu dengan pantas meski pun banyak cabaran dan dugaan yang telah kita lalui. MPS juga telah melangkah jauh untuk meneruskan agenda yang telah ditetapkan.



Disini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MPS yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018. Sesungguhnya warga MPS mempunyai komitmen yang amat tinggi dalam melaksanakan tugas terutamanya dalam melaksanakan semua aktiviti dan program MPS dengan jayanya. TAHNIAH diucapkan

Oleh itu, saya berharap agar tahun 2019 ini kita dapat meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan MPS dan marilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam memajukan MPS ke peringkat antarabangsa. Saya bukan ingin bercakap kosong namun biarlah matlamat yang ingin dicapai dan sasaran kita tinggi agar kita semua berusaha untuk mencapai kearah matlamat yang ditetapkan.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan di sini dengan mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru 2019".

Sekian, Terima kasih.

SULIMAN BIN ABD RAHMAN A.M.S., P.P.T.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang



MAJLIS PERPISAHAN TUAN SULIMAN JASA DIKENANG BUDI DISANJUNG

MAJLIS Penghargaan dan Perpisahan Tuan Suliman Bin Abd Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 22 Mac 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis Penghargaan dan Perpisahan ini diadakan bertujuan menghargai jasa dan khidmat bakti beliau selama 4 tahun bertugas sebagai Yang Dipertua MPS dan juga bersempena 25 tahun beliau bertugas dalam perkhidmatan awam. Majlis telah dimulai dengan ketibaan Tuan Yang Dipertua diiringi oleh pihak pengurusan dan Ahli Majlis MPS. Majlis diteruskan dengan bingkisan ucapan oleh Tuan Suliman dan diserikan dengan tayangan khas berkaitan perjalanan aktiviti Tuan Yang Dipertua MPS sepanjang perkhidmatan beliau di MPS dan penyampaian cenderamata kenangan daripada pihak MPS. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari. Sekalang ucapan terima kasih dizahirkan buat Tuan Suliman. Segala jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan oleh Tuan Suliman akan senantiasa tersemat dalam memori warga MPS selamanya.



ANUGERAH KHAS 30% WANITA PEMBUAT KEPUTUSAN MPS TERIMA PENGHARGAAN

SATU lagi pencapaian membanggakan apabila MPS telah menerima Anugerah Khas Pencapaian 30% Wanita Pembuat Keputusan sempena Program Majlis Apresiasi Kepimpinan Wanita Negeri Selangor bagi Kempen #Seimbang

Untuk Sejahtera. Anugerah ini diberikan berdasarkan nisbah gender wanita sebagai Ahli Majlis dan pengurusan tertinggi dalam pembuat keputusan di MPS. Anugerah yang telah diadakan di Shah Alam Convention Centre (SACC) Shah Alam pada 15 Mac 2019

ini telah dirasmikan oleh isteri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berbahagia Puan Masdiana binti Muhamad.



AHLI MAJLIS ZON JKPTn. Ng Kok Chuan
Ahli Majlis Zon 22**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA KOMUNITI INDIA (JKP ZON 22)**

MAJLIS Ramah Mesra Bersama Komuniti India JKP Zon 22 yang diadakan pada 28 April 2019 bertempat di Pejabat Ahli Majlis Zon 22, SB Jaya Sg. Buloh. Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis JKP Zon 22 oleh Tuan Ng Kok Chuan dengan penglibatan dan kerjasama daripada Ahli Jawatankuasa Zon 22. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada komuniti India di sekitar kawasan Zon 22 tentang kaedah mewujudkan keluarga yang harmoni dan cara mengatasi masalah yang timbul dalam rumahtangga serta cara mengurus anak-anak termasuk anak istimewa. Antara pengisian program yang disusun pada program tersebut adalah seperti ceramah motivasi bertajuk "Mewujudkan Keluarga Harmoni dan Asuhan Kanak-Kanak Secara Murni", Sesi Ramah Mesra Bersama Pemimpin serta penyerahan sumbangan bantuan kepada warga emas dan golongan yang memerlukan. Dengan adanya program seperti ini, secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada Ahli Majlis kawasan zon berkenaan untuk mendekati masyarakat setempat

Pn. Anfaal Binti Saari
Ahli Majlis Zon 3**PROGRAM KEBUN KOMUNITI (JKP ZON 3)**

HARI Kesedaran Alam Sekitar & Pemasuhan Kebun Komuniti (JKP Zon 3) yang diadakan pada 10 Mac 2019 bertempat Dewan Komuniti Taman Gombak. Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis JKP Zon 3 dengan penglibatan dan kerjasama daripada Ahli Jawatankuasa Penduduk Zon 3. Program ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar di kalangan masyarakat serta kepentingan kitar semula bahan buangan dan minyak masak. Antara pengisian program yang telah diadakan adalah taklimat pertanian, simulasi *candle making*, *DIY recycle*, jualan sayur dan anak pokok serta mengumpul minyak masak terpakai. Dengan adanya program seperti ini, secara tidak langsung dapat memperkenalkan kebun komuniti kepada penduduk setempat agar dapat bersama-sama membangunkan dan memelihara kebun komuniti ini. Program ini telah dirasmikan oleh YB Muhammad Tuan Hilman bin Idham, ADUN Gombak Setia.

Tn. Azman Bin Yaacob
Ahli Majlis Zon 19**PROGRAM 10KM SAYANGI MALAYSIA (JKP ZON 19)**

PROGRAM 10KM Sheild Cross Country "Sayangi Malaysia" (JKP Zon 19) yang diadakan pada 14 April 2019 bertempat di Dataran Setia, Kompleks Penghulu, Kuang. Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis JKP Zon 19 dengan penglibatan dan kerjasama daripada Ahli Jawatankuasa Zon 19. Program ini dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan hubungan sesama penduduk bersama Ahli Majlis kawasan zon berkenaan. Selain itu, program ini juga dapat mencungkil bakat sukan olahraga di kalangan peserta.

Seramai 500 orang peserta telah menyertai program larian ini. Dengan adanya program seperti ini secara tidak langsung kawasan Tasik Biru Kundang dapat diperkenalkan sebagai destinasi pelancongan pada tahun 2019/2020.

Pn. Norridah Binti A Wahab
Ahli Majlis Zon 1**PROGRAM SANTUNI ORANG ASLI (JKP ZON 1)**

PROGRAM Tenaga Kita Dan Silaturrahim Bersama Masyarakat Orang Asli Batu 12 Gombak Utara (JKP Zon 1) telah diadakan pada 6 April 2019 bertempat di Dataran Bukit Kala 12 Gombak Utara. Program ini merupakan satu program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penduduk Zon 1 dengan usaha sama pelajar-pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara Ahli Jawatankuasa Penduduk Zon 1 dengan penduduk Orang Asli Batu Kala, Batu 12 Gombak melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang seperti pertandingan sukaneka, memasak secara rewang oleh penduduk orang asli dalam memperkenalkan makanan tradisi di samping mempromosikan kraftangan yang dihasilkan oleh mereka. Selain dapat memupuk semangat kerjasama dalam menjaga kebersihan persekitaran, program ini juga memberikan pengetahuan kepada penduduk orang asli tentang kepentingan penjagaan kesihatan melalui taklimat dan pemeriksaan kesihatan daripada Jabatan Kesihatan Daerah Gombak serta pameran daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Gombak. Program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Hilman bin Idham, ADUN Gombak Setia.


Pn. Zuraidah binti Abdul Majid
Ahli Majlis Zon 21**PROGRAM KRAFTANGAN WANITA (JKP ZON 21)**

PROGRAM Dekorasi Balang Kuih (kraftangan) Wanita Zon 21 (JKP Zon 21) yang diadakan pada 27 April 2019 bertempat di Dewan Kuarters Guru, Kg. Melayu Sg. Buloh. Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis JKP Zon 21 dengan penglibatan dan kerjasama daripada Ahli Jawatankuasa Zon 21. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada golongan wanita untuk mempelajari dan mengalami sendiri cara-cara membuat dekorasi pada balang kuih. Program yang memberi pengetahuan dan kemahiran seperti ini adalah selaras dengan seruan Kerajaan Negeri dalam memberdayakan usahawan dari golongan wanita terutamanya suri rumah bagi menjana pendapatan sampingan keluarga. Dengan adanya program ini, secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada Ahli Majlis kawasan zon berkenaan untuk mendekati dan mengeratkan silaturahim antara wanita-wanita sekitar kawasan zon 21.

Pn. Puspas Rizal Binti Mohammad
Ahli Majlis Zon 20**PROGRAM GOTONG-ROYONG CEGAH DENGGI 2019 (JKP ZON 20)**

PROGRAM Gotong-Royong Cegah Denggi 2019 (JKP Zon 20) yang diadakan pada 14 April 2019 bertempat di Taman Impian Indah Sungai Buloh (Teres 2 Tingkat & Townhouse). Ahli Majlis Zon 20 telah dipohn untuk melaksanakan program gotong-royong dengan segera oleh pihak Jabatan Kesihatan Daerah Gombak berikut terdapat kes wabak demam denggi yang tinggi di kawasan Sungai Buloh. Sehubungan dengan itu, program gotong-royong ini telah diadakan bertujuan untuk membersihkan kawasan bagi membasi tempat pembiakan nyamuk aedes. Penghapusan tempat pembiakan nyamuk ini secara tidak langsung akan memastikan masyarakat setempat bebas dan selamat daripada serangan nyamuk aedes. Selain dapat memupuk semangat menjaga kebersihan di kawasan rumah masing-masing, program ini juga dapat merapatkan hubungan kejiraninan di kalangan penduduk. Antara pengisian program yang telah diadakan pada hari tersebut adalah aktiviti gotong-royong, taklimat kesedaran bahaya nyamuk aedes dan demam denggi daripada Jabatan Kesihatan Daerah Gombak. JKP Zon 20 turut menyediakan hadiah cabutan bertuah bagi menarik lebih ramai peserta dalam program gotong-royong ini.





LALUAN BAS KAWASAN RAWANG

WAKTU OPERASI:
SETIAP HARI
6.00 PAGI – 10.00 MALAM

TESCO RAWANG
RUMAH PKNS BT 16
TAMAN KANCHING
TAMAN TUN TEJA
APARTMENT TUN TEJA
SRA AL-HIDAYAH
SK TUN TEJA
TAMAN MUHIBBAH
SM TUN PERAK
PANGSAPURI BERINGIN
SURAU AL-RADHIAH
TAMAN BERSATU 3
TAMAN BERSATU FASA 3
BATU 17 RAWANG
KTM RAWANG
MYDIN RAWANG
TERMINAL BAS & TEKSI RAWANG

HOTLINE www.selangor.gov.my
03-61265800 Selangor State Government
1800-222-677



Aplikasi Mobile STARS MPS



APLIKASI ADUAN MPS
Muat Turun Di



ADUAN MPS



MAMPAK • PROGRESIF • SEJAHTERA



PAGI TANPA KENDERAAN

MPS FUN RUN ★ 2019 ★




MPS telah menganjurkan Acara *Fun Run MPS* bersempena Program Pagi Tanpa Kenderaan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan mengurangkan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas monoksida yang boleh mencemar alam.

Larian yang melibatkan sejauh 5km ini telah menarik minat lebih 800 orang peserta untuk turut sama memeriahkan sambutan yang diadakan di sekitar Bandar Baru Selayang.

Program ini juga turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti *push bike*, *roller blade*, *inflatable playground*, permainan congak, *foodtruck*, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain lagi.

Turut hadir sama Yang Berusaha Tuan Suliman Bin Abd Rahman bersama-sama Ahli-Ahli Majlis yang lain bagi acara perlepasan peserta pada jam 8.00 pagi. Yang Dipertua MPS turut sama menyertai larian ini sebagai tanda sokongan kepada Program Pagi Tanpa Kenderaan MPS.

Acara *Fun Run* ini berakhir dengan penyampaian hadiah bagi pertandingan *push bike* dan *roller blade* pada sekira jam 11.00 pagi.



SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT



BAHAGIAN Inovasi Dan Kualiti, Jabatan Korporat, Majlis Perbandaran Selayang telah mengadakan taklimat dan bengkel MS ISO/IEC 27001:2013 iSMS pada 5 dan 6 Mac 2019 bertempat di Hotel Crystal Crown, Kepong. Bengkel ini melibatkan seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan pengarah jabatan. Bengkel yang berlangsung selama dua hari ini telah dirasmikan oleh YBrs Tuan Suliman bin Abd Rahman Yang Dipertua MPS. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk menentukan struktur organisasi iSMS berserta peranan dan tanggungjawab serta mengenal pasti proses-proses dalam skop.

AUDIT PENSIJILAN EKSA

LAWATAN Pengauditan Pensijilan EKSA DIY yang telah diadakan bermula 16 hingga 18 April 2019 ini telah dihadiri seramai empat orang panel penilai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Lawatan pengauditan kali ini tertumpu kepada beberapa komponen penilaian utama.

Secara umumnya MPS telah melaksanakan EKSA dan mematuhi keperluan penilaian kriteria EKSA pada Lawatan Pengauditan Pensijilan EKSA DIY kali ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tindakan susulan yang perlu dikemukakan semula kepada pihak SUK dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan.



LAWATAN PELANCONGAN KE BATU ARANG MPS PROMOSI BATU ARANG SEBAGAI BANDAR WARISAN

DALAM usaha untuk memperkenalkan Batu Arang sebagai salah satu destinasi pelancongan di daerah Gombak, MPS telah mengadakan lawatan pelancongan bersama Ahli Dewan Negeri Rawang, YB Chua Wei Kiat pada 11 Januari 2019 bertempat di Pekan Batu Arang, Rawang Selangor. Beliau telah dibawa melawat ke tempat-tempat menarik antaranya Terowong Perlombongan Bawah Tanah Batu Arang, SRJK Cina Chap Kuan, SMK Tuanku Abdul Rahman, White House dan Air Shaft.

Turut mengiringi YB Chua dalam lawatan ini adalah Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan wakil-wakil jawatankuasa penduduk.

Semasa lawatan tersebut, YB Chua Wei Kiat menzahirkan harapan beliau agar bandar Batu Arang ini dapat dipelihara dengan baik dan dapat dipromosikan secara meluas serta menjadi salah satu daripada kawasan pelancongan bertemakan warisan/sejarah yang dikenali di dalam dan luar negara.



TURUN PADANG EXCO KE PUSAT TAHSANAH HAIWAN MPS PERLU RM192 RIBU UBAHSUAI KEMUDAHAN



YANG Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah membuat tinjauan ke Pusat Tahanan Haiwan MPS di Taman Industri Integrasi Rawang pada 26 Mac 2019. Tujuan lawatan adalah untuk menilai cadangan MPS memohon bantuan kewangan untuk menaik taraf pusat tersebut dengan anggaran sebanyak RM192,750.00 meliputi kos membaik pulih kemudahan dan fasiliti. Pusat Tahanan Haiwan yang berkeluasan

anggaran 0.5 ekar ini telah dibina pada tahun 2008 sebagai pusat tahanan kawalan anjing dan kucing liar serta kawalan binatang ternakan berkeliaran seperti lembu dan kambing. Dalam lawatan berkenaan, YB Tuan Ng Sze Han berhasrat agar Pusat Tahanan Haiwan MPS ini dapat diubahsuai menjadi sebuah pejabat yang mempunyai ruang menunggu untuk dijadikan Pusat Setempat bagi Program Adopsi Haiwan Terbiar. MPS juga turut mempunyai Program GIDOP (gift & adopt) bagi orang ramai yang ingin menghantar haiwan-haiwan peliharaan

dan terbiar. Program ini juga membolehkan orang ramai untuk membela haiwan-haiwan seperti kucing dan anjing tanpa dikenakan sebarang bayaran. Dengan adanya program seperti ini, masyarakat tidak membuang haiwan-haiwan peliharaan di kawasan awam sebaliknya diserahkan kepada Unit Kawalan Haiwan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS. Turut serta dalam lawatan rasmi berkenaan adalah Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, ADN Rawang, Ahli-Ahli Majlis MPS, pengarah-pengarah jabatan.

LAWATAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM MDSB KONGSI ILMU KAWALAN HAIWAN LIAR

TERIMA kasih diucapkan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam atas kesudian menerima kunjungan daripada Majlis Perbandaran Selayang dan berkongsi ilmu berkenaan kawalan dan tangkapan anjing liar. Semoga hubungan erat ini akan terus berkekalan dan dipertingkatkan lagi pada masa-masa akan datang.



JUALAN TAPAK NIAGA THAIPUSAM MPS MEMBUKA PELUANG PERNIAGAAN

JUALAN permit dan undian tapak niaga Thaipusam telah diadakan pada 17 Januari 2019 bertempat di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, Batu Caves. Sebanyak 286 petak ditawarkan dengan kadar RM150 manakala perniagaan gunting rambut dengan kadar RM200. Tiada kadar harga dikenakan bagi penjaja bergerak untuk penjualan permit pada hari undian petak. Pada tahun ini juga, MPS meneruskan konsep Hotspot di mana petak ini berlokasi di kawasan tumpuan pengunjung dengan

keluasan 10 x 10 kaki. Sebanyak 90 petak Hotspot telah dikenalpasti. Tempoh kelulusan kesemua permit yang dikeluarkan adalah selama 5 hari bermula dari 19 hingga 23 Januari 2019.

Pemohon permit yang menjual makanan dan minuman diwajibkan untuk memiliki Sijil Kursus Pengendalian Makanan bagi pemohon dan pembantu selain pengesahan pemeriksaan kesihatan serta Suntikan TY2 (Tifoid). Untuk perniagaan gunting rambut,

peniaga perlu memiliki Sijil Pemeriksaan Kesihatan (Hepatitis B, HIV & TIBI).

Penjaja diharapkan dapat mengekalkan tahap kebersihan persekitaran serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit. MPS juga melarang peniaga menggunakan sebarang bentuk bekas makanan dan minuman daripada polisterina sepanjang tempoh jualan.



SAMBUTAN THAIPUSAM WARNA-WARNI PERAYAAN THAIPUSAM 2019

SAMBUTAN Malam Perayaan Thaipusam 2019 telah disambut meriah dan penuh warna-warni oleh jutaan penganut agama Hindu di seluruh negara. Sambutan yang diadakan di Batu Caves pada 20 Januari 2019 telah dihadiri oleh YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Pada malam tersebut Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan peruntukan lebih RM300,000 kepada kuil-kuil terpilih di seluruh Selangor. Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan dan majlis berakhir pada jam 10.00 malam.



PROGRAM LESTARI BUMI HIJAU SUKARELAWAN MELESTARIKAN BUKIT LAGONG

PROGRAM Lestari Bumi Hijau anjuran MPS dengan kerjasama Standard Chartered dan UITM Shah Alam telah berlangsung pada 24 April 2019. Program ini telah diadakan di Taman Rimba Bukit Lagong.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Pemangku Yang Dipertua MPS. Turut serta dalam program ini adalah Yang Berusaha Tuan Mohd Kassim Bin Packiry, Ahli Majlis Zon 11 MPS, Paul Scott, Global Head Financial Operations, Standard Chartered

Global Business Services (GBS) dan Yang Berbahagia Professor Madya Dr. Mohd Fozi Ali, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UITM. Program dimulakan dengan gimik pelancaran iaitu melepaskan ikan dan melontar 'mudball' di kolam.

Program CSR ini juga merupakan projek bagi mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UITM dan Standard Chartered telah berlangsung dengan jayanya. Kerja-kerja seperti mengecat semula kemudahan awam di sekitar Taman Rimba Bukit

Lagong serta pembersihan bagi trail hutan dan penanaman sebanyak 500 batang pokok renek, 250 batang pokok kelat paya dan 250 batang pokok duranta gold telah ditanam. Program yang melibatkan seramai 200 orang sukarelawan yang terdiri daripada Standard Chartered dan 50 orang mahasiswa daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM ini berakhir pada jam 12.00 tengah hari.



KEBUN KOMUNITI DAN 'EDIBLE GARDEN' MPS MEMPERKENALKAN KONSEP 'EDIBLE GARDEN'

PROGRAM Kebun Komuniti MPS tahun 2018 telah diadakan pada 26 Januari 2019 (Sabtu) bertempat di Dewan MPKK, Kampung Sungai Tua Baharu. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Azhar Bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS mewakili Tuan YDP MPS. Dalam Majlis tersebut juga telah diadakan penyampaian hadiah bagi pertandingan 'Edible Garden' MPS untuk tahun 2018. Majlis diakhiri dengan lawatan ke kebun komuniti JKP Zon 6 untuk acara menandatangani plak dan juga lawatan ke gerai pameran.



OPERASI**OPERASI BERSEPADU****TEMPAT PENYEMBELIHAN
AYAM TANPA PERMIT**

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Tempat Penyembelihan Ayam Tanpa Permit di sempadan Pasar Borong Selayang pada 7 Februari 2019. MPS mendapati bahawa masih terdapat lagi tempat penyembelihan dan memproses ayam secara terbuka dijalankan. Selain itu, sisa ayam dan darah dibiarkan di atas lantai dalam masa yang lama turut mengundang kepada masalah kebersihan. Tiga kompaun dikeluarkan kepada premis berkenaan iaitu di bawah Seksyen 6, tidak mempunyai tong sampah yang tertutup di bawah Seksyen 74, membiarkan bangunan (bahagian dalam belakang premis penyediaan dan penyimpanan ayam segar) berada dalam keadaan kotor dan di bawah Undang-Undang Kecil 21(1)d, menyebabkan kekotoran dan mengalirkan cecair terus ke longkang. Operasi ini turut melibatkan seramai 10 orang Penguatkuasa MPS yang diketuai oleh Encik Mohd Zahari Bin Mohd Ali, Pembantu Penguatkuasa Kanan bersama 5 orang anggota Penguatkuasa Jabatan Imigresen dan 2 orang anggota PDRM terlibat dalam operasi bersepadu ini. Melalui operasi ini juga, seorang PATI telah ditangkap kerana tidak mempunyai permit kerja dan dokumen perjalanan yang sah oleh Penguatkuasa Jabatan Imigresen Selangor di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

**OPERASI BERSEPADU PREMIS CUCI KERETA
MPS ROBOH STRUKTUR HARAM**

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Premis Cuci Kereta di Tasik BiruKundang pada 21 Februari 2019. Aktiviti ini telah dijalankan tanpa lesen yang sah dan tanpa kebenaran. Notis telah diberikan pada 12 Februari 2019 yang lalu sebelum operasi penyitaan dan perobohan dijalankan pada hari ini. Kompaun dikeluarkan kepada premis berkenaan iaitu di bawah Seksyen 46(1) a, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (mendirikan tiang/ struktur di tempat awam) dan Undang-Undang Kecil 3 Tred Perniagaan dan Industri (MPS) 2007. Premis dikenakan kompaun sebanyak RM 1,000.

Operasi ini melibatkan seramai 18 orang penguatkuasa MPS yang diketuai oleh En. Megat Ainul Fadzli bin Ainul Fadzil, Penolong Pegawai Penguatkuasa bersama 7 orang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), 3 orang daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan 2 orang daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Melalui operasi ini juga, didapati bahawa premis berkenaan tidak mempunyai meter elektrik dan sumber bekalan air yang tidak dapat dikenalpasti. Tindakan menyita barang di premis tersebut telah dilakukan. Premis yang telah

**OPERASI BERSEPADU
PUSAT HIBURAN**

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Pusat Hiburan di dua pusat hiburan iaitu di Desa Aman Puri dan Taman Perindustrian KIP, Kepung pada 19 April 2019.

MPS mendapati bahawa pusat hiburan tersebut masih lagi menjalankan operasi perniagaan tanpa lesen meskipun tindakan telah dikenakan sebelum ini.

Dalam operasi berkenaan, MPS telah mengambil tindakan sitaan terhadap dua premis berkenaan yang melibatkan barang seperti sofa, meja, televisyen, peralatan visual dan audio, pembesar suara dan juga meja pool mengikut Seksyen 6(1)(sita) Enakmen Hiburan dan Tempat Tempat Hiburan 1995 (mengadakan tempat hiburan tanpa lesen).

Operasi yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Pemangku Yang Dipertua MPS ini turut melibatkan seramai 46 orang penguatkuasa MPS dan 29 orang kakitangan MPS iaitu daripada Jabatan Unit Selenggara Bangunan dan Jabatan Perlesenan yang terlibat dalam operasi bersepadu ini.

dirobohan ini akan dinaiktaraf dan dijadikan kawasan parkir bagi pengunjung Tasik Biru. Langkah yang diambil oleh MPS ini juga merupakan satu usaha untuk menarik pengunjung datang beriadah di Tasik Biru Kundang

**PROGRAM
GOTONG-ROYONG BASMI DENGGI KPKT**

PROGRAM Gotong-Royong Basmi Denggi Perdana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) anjuran MPS dengan kerjasama KPKT telah berlangsung pada 14 April 2019. Program ini telah diadakan di Medan Selera Pinggiran Batu Caves. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada Dato' Menteri Besar Kawasan Dun Sg Tua mewakili Yang Berhormat Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, ADN Gombak Setia. Turut serta dalam program ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP

MPS bersama-sama Ahli Majlis MPS dan pengarah MPS bagi melepaskan peserta acara plogging. Program ini juga turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan plogging, pertandingan ecobrick, program gotong-royong, cabutan bertuah dan pameran. Melalui program ini, sebanyak 49 botol ecobrick dan 1,552 bekas berpotensi pembiakan nyamuk telah dapat dikumpulkan. Program yang melibatkan 348 orang peserta yang terdiri daripada penduduk MC/JMB Pinggiran Batu Caves, Flat Taman Gemilang, Desa Temenggung dan Kg Melayu Sri Gombak ini berakhir dengan penyampaian hadiah bagi

pertandingan plogging dan eco brick pada jam 12.00 tengah hari.

**BENGKEL KEUSAHAWANAN
PENYEWA PREMIS BIL 1/2019**

MPS telah mengadakan Bengkel Kepada Penyewa Premis pada 23 April 2019 bertempat di Hotel Crystal Crown Kuala Lumpur. Seramai 65 orang peserta yang telah menyertai bengkel ini. Turut hadir sama Ahli Majlis MPS

dan pengarah jabatan. Bengkel ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penyewa gerai MPS agar lebih bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan yang teratur dan menjaga premis milik MPS. Pengajuran

**PERHIMPUNAN BULANAN MPS**

PROGRAM AMAL COOP CARE KOPERATOR ALAM SEKITAR MPS JALIN HUBUNGAN MEMPERINDAH TEMPLER PARK

PROGRAM Amal COOP Care Koperator Alam Sekitar anjuran ANGKASA dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 2 Mac 2019 bertempat di Hutan Taman Rimba Templer, Rawang. Program gotong-royong dan penanaman anak pokok ini telah disertai oleh seramai 100 orang sukarelawan terdiri daripada Rakan Sukarelawan COOP

Malaysia, para pelajar, guru dan ibu bapa dari Sekolah Menengah Kebangsaan Rawang. Turut hadir sama memeriahkan majlis perasmian program ini ialah Yang Berbahagia Datuk Haji Mohamad Ali Hasan, Naib Presiden ANGKASA dan Yang Berusaha Tuan. LAr. Mokhtar Affandi Bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap MPS. Pada majlis yang

sama, Yang Berbahagia Dato' Abdul Fattah, Presiden ANGKASA turut merasmikan sudut "Laman ANGKASA" dengan memberi sumbangan meja rekreasi dan pokok *topiari* untuk memberi manfaat kepada pengunjung Taman Rimba Templer ini. Program berakhir pada jam 11.00 pagi.



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA



MAJLIS Sambutan Tahun Baharu Cina dan Perhimpunan Bulanan Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2019 telah diadakan di Perkarangan Menara MPS pada 20 Februari 2019. Majlis yang disambut meriah ini telah disertai oleh YBrs. Tuan Suliman Bin Abd Rahman, YDP MPS. Turut hadir sama bagi memeriahkan majlis ini ialah YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, YBhg. Dato' Amirul Azizan Bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah Gombak, YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang, Ahli-Ahli Majlis MPS, Pengarah-pengarah Jabatan serta kakitangan MPS. Antara acara menarik yang telah diadakan adalah acara menggaul *Yee Sang*, persempahan Tarian Singa, persempahan muzik tradisional Cina dan lain-lain lagi. Majlis yang diadakan bersekali dengan Perhimpunan Bulanan MPS ini berakhir pada jam 2.00 petang.

PROGRAM 3R GO GREEN KITAR SEMULA AMALAN MPS

JABATAN Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS telah menganjurkan Program 3R 'Go Green' Peringkat MPS tahun 2019. Program yang julung-julung kali diadakan ini adalah bagi menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan budaya 3R iaitu '*Reduce, Reuse and Recycle*' di samping mendidik staf MPS mengamalkan kaedah kitar semula dalam kehidupan sehari-hari. Majlis yang diadakan pada 20 Mac 2019 bertempat di Dewan

Kerajaan, Menara MPS ini telah dirasmikan oleh Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan merangkap Ketua Jawatankuasa Latihan EKSA MPS. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini adalah penyampaian Buku Bank Kitar Semula kepada Ketua-Ketua Zon EKSA MPS, pertandingan Bank Kitar Semula EKSA MPS, pertandingan Sudut 'Go Green' paling kreatif dan Pertandingan Eco-bricks peringkat

ZON EKSA MPS. Disamping itu juga, turut diadakan taklimat 3R oleh RCOMM Lestari, Bengkel Eco-bricks bersama Guru Penyelaras Eco-bricks SMK Darul Ehsan, sudut pameran dan demonstrasi bahan-bahan kitar semula.



ANUGERAH PENGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) PeBT TERBAIK NEGERI SELANGOR



SETTINGGI-TINGGI ucapan tahniah diucapkan kepada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS atas kejayaan merangkul 4 Anugerah Tertinggi PeBT Negeri Selangor 2019 di bawah kepimpinan YBrs. Tuan Suliman Bin Abd Rahman, Yang Dipertua MPS.

Anugerah yang berjaya dirangkul adalah Anugerah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Terbaik Negeri Selangor 2019, Anugerah Kepimpinan PeBT Terbaik Negeri Selangor 2019, Anugerah Penghargaan Pihak Berkua Tempatan Terbaik Negeri Selangor 2019 dan Anugerah PeBT Terbaik Peringkat PBT Negeri Selangor 2019 - En. Muadzam M Shariff (ZON 7)

Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan di Majlis Apresiasi Dan Penyerahan Watikah Penggerak Belia Tempatan Negeri Selangor 2019 yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 17 Februari 2019.

**PERTANDINGAN
KEJOHANAN
BADMINTON KOMUNITI
STRATA PIALA YANG
DIPERTUA MPS 2019**

PADA 23 hingga 24 Mac 2019 bertempat 222 Sport Centre, Selayang Mall, Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama daripada JMB/MC Strata MPS, Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 12 dan 222 Sport Centre telah menganjurkan Kejohanan Badminton Komuniti Strata Piala Yang Dipertua MPS 2019.

Sebanyak 18 pasukan daripada pelbagai komuniti strata telah menyertai kejohanan ini. JMB Apartment Kenanga telah dinobatkan sebagai Juara dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta medal. Manakala JKP Zon 12A dan JKP 12B telah mendapat tempat kedua dan ketiga serta membawa pulang hadiah wang tunai RM800.00 dan RM500.00 beserta medal. Tempat keempat telah dimenangi oleh JMB Apartment Las Palmas dan membawa pulang hadiah wang tunai RM500.00 beserta medal.



**SUKAN ANTARA STAF (SAS) MPS 2019
STAF MPS ERAT HUBUNGAN MELALUI AKTIVITI
SUKAN**

KELAB Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah menganjurkan Kejohanan Sukan Antara Jabatan bermula bulan Februari hingga Disember 2019. Pelbagai sukan dipertandingkan seperti Bowling, Badminton, Futsal, Dart, Catur, Bola Jaring, Bola Sepak, Sepak Takraw dan Tarik Tali Pasukan.

Menariknya kejohanan sukan tahunan ini dipertandingkan melibatkan 8 pasukan iaitu penggabungan antara jabatan-jabatan MPS. Diharapkan melalui kejohanan sukan ini dapat mencungkil bakat atlet-atlet baru MPS dan mengeratkan lagi hubungan staf antara jabatan.

